

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.2 ( 25 )

8 Januari 2023  
15 Jamadilakhir 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.1/2023

### GARIS PANDUAN JEMPUTAN YAB PERDANA MENTERI DAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI KE MAJLIS/ PROGRAM RASMI ANJURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk surat edaran Jabatan Pendidikan Tinggi, JPT(G)1000/016/01 Jld.3 (29) bertarikh 20 Disember 2022.

2. Dimaklumkan, YB Menteri Pendidikan Tinggi telah memohon agar sebarang acara rasmi yang melibatkan YAB Perdana Menteri atau YAB Timbalan Perdana Menteri perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu.
3. Selain itu, warga Universiti perlu mengambil maklum bahawa penglibatan YAB Perdana Menteri atau YAB Timbalan Perdana Menteri adalah bagi program yang mempunyai kesan secara langsung kepada rakyat secara amnya.
4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai Garis Panduan Jemputan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Majlis/Program Rasmi Anjuran Universiti yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi.
5. Selaras dengan pemakluman ini, warga Universiti perlu merujuk kepada **Seksyen Hal Ehwal Korporat, Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat** berkenaan cadangan untuk menjemput YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri dalam mana-mana Majlis/Program Rasmi Anjuran Universiti.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah UTM Kampus Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
*DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION*  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
*Department Of Higher Education*  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
*Ministry of Higher Education Malaysia*  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(G)1000/016/01 Jld.3 (29)  
Tarikh : 20 Disember 2022

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/Prof./Dr.,

### GARIS PANDUAN JEMPUTAN YAB PERDANA MENTERI DAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI KE MAJLIS/PROGRAM RASMI ANJURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sering mendapat jemputan daripada pihak universiti awam bagi penganjuran program yang melibatkan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri pada saat-saat akhir. Perkara ini menyukarkan penyelarasan di peringkat Kementerian terutamanya bagi memastikan penglibatan YB Menteri Pengajian Tinggi dan pengurusan tertinggi KPT dalam program yang dianjurkan oleh UA.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kelancaran dalam penganjuran program di universiti awam, YB Menteri Pendidikan Tinggi telah memohon agar sebarang acara rasmi yang melibatkan YAB Perdana Menteri atau YAB Timbalan Perdana Menteri perlu mendapat kelulusan Kementerian terlebih dahulu. Ketetapan yang dibuat ini adalah selaras dengan fungsi Menteri Pendidikan Tinggi dalam Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : MY-QMS 02079

CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 02079

CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 02079



mengenai jabatan atau perkara-perkara berkaitan pendidikan tinggi. Selain itu, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/Prof./Dr., perlu mengambil maklum bahawa penglibatan YAB Perdana Menteri atau YAB Timbalan Perdana Menteri dalam sebarang program kelak perlulah bagi program yang mempunyai kesan secara langsung kepada rakyat secara amnya.

4. Justeru, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Jemputan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri Ke Majlis/Program Rasmi Anjuran Institusi Pendidikan Tinggi untuk tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/Prof./Dr. selanjutnya. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/Prof./Dr. untuk mengambil maklum akan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' PROF. DR. HUSAINI BIN OMAR)**

# GARIS PANDUAN JEMPUTAN YAB PERDANA MENTERI DAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI KE MAJLIS/PROGRAM RASMI ANJURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

## Tujuan

1. Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada universiti awam dan pihak-pihak yang terlibat dalam penyelarasan penganjuran program yang melibatkan jemputan kepada YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri.

## Latar Belakang

2. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sering mendapat jemputan daripada pihak universiti awam bagi penganjuran program yang melibatkan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri pada saat-saat akhir. Perkara ini menyukarkan penyelarasan di peringkat Kementerian terutamanya bagi memastikan penglibatan YB Menteri Pengajian Tinggi dan pengurusan tertinggi KPT dalam program yang dianjurkan oleh UA.
3. Sehubungan itu, Garis Panduan Jemputan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Majlis/Program Rasmi Anjuran Institusi Pendidikan Tinggi ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada universiti awam dalam menganjurkan program yang melibatkan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri.

## Objektif

4. Garis Panduan ini adalah bagi memastikan program yang dihadiri YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri adalah **program yang berimpak tinggi** selari dengan peranan dan tanggungjawab KPT dalam melonjakkan pendidikan tinggi Malaysia.

### **Permohonan Penganjuran Program**

5. Surat permohonan beserta ringkasan cadangan program perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh program diadakan.
6. Kementerian akan meneliti cadangan program yang akan dianjurkan dan akan mengemukakan syor kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi untuk persetujuan.
7. Pemohon akan dimaklumkan bersama keputusan permohonan setelah mendapat persetujuan dan kelulusan daripada YB Menteri Pendidikan Tinggi. Surat kelulusan bagi permohonan akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi.

### **Kelulusan Penganjuran Program**

8. Kelulusan penganjuran program yang dihadiri YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri akan diberikan kepada program yang berimpak tinggi selari dengan peranan dan tanggungjawab KPT serta tidak menyentuh sensitiviti dan keharmonian masyarakat dari segi agama, kaum dan budaya.
9. Kriteria penilaian bagi penganjuran program berimpak tinggi adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

### **Penghantaran Permohonan**

10. Permohonan penganjuran program bolehlah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, Menara 2, Jalan P5/6  
62200 Putrajaya

### Kriteria Program Berimpak Tinggi

1. Antara ciri utama program berimpak yang tinggi adalah seperti berikut:
  - (i) memberi kesan secara langsung kepada masyarakat mahupun komuniti dan negara;
  - (ii) mampu memperkasa hubungan strategik dengan agensi luar;
  - (iii) membangunkan sahsiah sendiri pelajar; dan
  - (iv) menyumbang kepada pencapaian matlamat dan falsafah pendidikan tinggi.
  
2. Program yang berimpak tinggi perlulah **memenuhi** 5 daripada 6 kriteria seperti berikut:
  - (i) program perlulah memberi kesan dan impak serta berupaya memanfaatkan masyarakat dan komuniti setempat;
  - (ii) program melibatkan kerjasama beberapa institusi/agensi dalam negara atau luar negara;
  - (iii) program melibatkan jangkauan peserta yang luas merentasi universiti berkaitan;
  - (iv) program mampu memperkasa hubungan strategik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
  - (v) program berupaya meningkatkan keterlihatan negara di peringkat antarabangsa; dan program berupaya memberi nilai tambah kepada dasar sedia ada dan menyumbang kepada pencapaian matlamat pendidikan tinggi.

**CARTA ALIR GARIS PANDUAN JEMPUTAN YAB PERDANA MENTERI DAN  
YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI KE MAJLIS/PROGRAM RASMI  
ANJURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI**

